

## PERBAHASAN LEMBU DALAM AL-QURAN

Nurhanisah Senin, Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan & Zainory Shafie  
*nurhanisah@kuis.edu.my*

Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### Abstrak

Al-Quran memaparkan pelbagai aspek penceritaan sebagai panduan kehidupan manusia. Antaranya penceritaan berkenaan haiwan-haiwan yang disebutkan dalam al-Quran seperti lembu, gajah, nyamuk, labah-labah, semut dan lain-lain lagi yang mempunyai mesej-mesej tersendiri. Kajian ini akan menjelaskan perbincangan lembu dalam al-Quran yang merujuk kepada perkataan *baqar* atau *baqarah* yang bermaksud lembu dan juga *'ijl* yang bermaksud anak lembu. Terdapat 18 ayat yang menyebutkan perkataan *baqar* dan *'ijl*. Hasil daripada kajian ini mendapati terdapat lima peristiwa utama yang berkaitan dengan lembu di dalam al-Quran. Pertama, peristiwa lembu kuning. Kedua, peristiwa lembu samiri. Ketiga, lembu dalam mimpi raja dalam kisah Nabi Yusuf. Keempat, pengharaman memakan lembu oleh Yahudi. Kelima, hidangan daging lembu panggang oleh Nabi Ibrahim. Implikasi kajian ini melihat perbincangan lembu dalam al-Quran secara tidak langsung juga menunjukkan penciptaan lembu pada hakikatnya berperanan dalam memenuhi keperluan manusia. Namun, ia juga merupakan ujian ke atas manusia sama ada mereka bersyukur atau kufur kepada Allah SWT.

*Kata kunci: lembu, haiwan dalam al-Quran, akidah Islam*

### 1.0 Pendahuluan

Kesyumulan isi kandungan al-Quran jelas menunjukkan perbincangan yang dimuatkan di dalamnya bukan sahaja membahaskan berkenaan manusia namun terangkum juga perbincangan flora dan fauna. Secara tidak langsung, ia menegaskan terdapatnya hubungan antara Tuhan, manusia dan alam. Haiwan juga merupakan sebahagian daripada penciptaan alam seperti yang didefinisikan oleh ulama kalam bahawa alam secara umumnya semua yang baharu selain Allah adalah makhluk (al-Nasafi, 2017). Kedudukan haiwan dalam Islam memang termaktub dalam al-Quran dan Sunnah bahawa walaupun ia tidak diberikan kedudukan setaraf manusia dari segi akal fikiran, namun kedudukan mereka dari sudut kehambaan adalah sama seperti manusia. Firman Allah SWT:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَائِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَمٌ أَمْثَلُكُمْ ۚ مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ  
 مِنْ شَيْءٍ ۚ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ

Maksudnya: “Dan tiadalah binatang-binatang yang ada di bumi dan burung-burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan umat (juga) seperti kamu. Tiadalah Kami alpakan sesuatupun dalam Al-Kitab, kemudian kepada Tuhanlah mereka dihimpunkan.” (Al-An’am: 38)

Perbahasan mengenai haiwan dalam al-Quran banyak memberi pengajaran untuk manusia (al-Qattan, 2002). Haiwan-haiwan ini ada yang menjadi sebahagian daripada sebuah cerita dan ada yang menjadi topik utama dalam sesuatu peristiwa atau kisah sehinggakan banyak pelajaran yang boleh diambil daripadanya. Terdapat tiga tujuan utama wujudnya kisah-kisah dalam al-Quran. Pertama, tafakkur. Kedua, iktibar. Ketiga, memperkukuhkan keimanan (al-Khalidi, 2011). Sebagai manusia yang diberikan kurniaan akal, adalah menjadi tugas bagi manusia untuk memanfaatkan iktibar yang diperolehi daripada kisah-kisah ini.

Terdapat beberapa surah di dalam al-Quran yang dinamakan sempena haiwan seperti surah an-Nahl (Lebah), al-Fil (Gajah), al-An'am (Ternakan), al-Ankabut (Lelabah), dan al-Naml (Semut). Lembu mendapat kedudukan istimewa di dalam Islam kerana terdapat satu surah yang diabadikan dengan namanya dalam al-Quran yang disebut sebagai Surah al-Baqarah yang bermaksud lembu betina. Di dalam al-Quran, perbahasan lembu sering diceritakan dalam kisah Nabi Musa AS antaranya dalam peristiwa kekufuran Bani Israel ketikamana mereka berlaku syirik kepada Allah dengan perbuatan menyembah patung anak lembu ciptaan Samiri. Kisah ini diceritakan dalam Surah Al-Baqarah, Al-A'raf, Taha dan Al-Syu'ara'. Bahkan penamaan surah Al-Baqarah diambil dari kisah ini.

Penciptaan lembu mengandungi pelbagai manfaat dari aspek kegunaannya kepada manusia. Firman Allah SWT:

إِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً ۚ نُسْقِيكُمْ مِمَّا فِي بُطُونِهِ مِنْ بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمٍ لَبْنَا خَالِصًا سَائِعًا  
لِلشَّارِبِينَ

Maksudnya: “Dan sesungguhnya pada binatang ternak itu benar-benar terdapat pelajaran bagi kamu. Kami memberimu minum dari pada apa yang berada dalam perutnya (berupa) susu yang bersih antara tahi dan darah, yang mudah ditelan bagi orang-orang yang meminumnya.” (An-Nahl: 66)

Selain daripada aspek fizikal, ayat-ayat berkenaan lembu juga dapat dihayati menerusi kisah kaum terdahulu yang menggunakan lembu sebagai alat mensyirikkan dan mengkufuri nikmat Allah. Oleh yang demikian, dengan meneliti ayat-ayat yang disebutkan dalamnya berkenaan dengan lembu dapat memberikan iktibar kepada manusia serta memantapkan akidah umat Islam.

## 2.0 Perbahasan lembu dalam al-Quran

Perkataan lembu disebutkan di dalam al-Quran sebagai *baqar* (lembu), *baqarah* (lembu betina) dan *'ijl* (anak lembu). Perkataan *baqar* disebutkan sebanyak tiga kali. Perkataan *baqarah* pula sebanyak empat kali dan *baqarat* dua kali. Manakala perkataan *'ijl* pula disebut sebanyak sembilan kali. Umumnya, perbahasan lembu dalam al-Quran boleh dibahagikan kepada lima tema utama.

### 2.1 Lembu Kuning

Lembu berwarna kuning yang dimaksudkan ialah lembu yang diperintahkan oleh Nabi Musa AS kepada Bani Israel untuk disembelih. Kisah ini dipaparkan dalam al-Quran bagi menunjukkan kekuasaan Allah SWT dalam menghidupkan orang mati di samping membuktikan kedegilan Bani Israel dalam mematuhi perintah Nabi Musa AS. Firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَذْبَحُوا بَقَرَةً ۚ قَالُوا أَتَتَّخِذُنَا هُزُؤًا ۗ قَالَ أَعُوذُ  
بِاللَّهِ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْجَاهِلِينَ

Maksudnya: “Dan (ingatlah), ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh supaya kamu menyembelih seekor lembu betina”. Mereka berkata: “Adakah engkau hendak menjadikan kami ini permainan?” Nabi Musa menjawab: “Aku berlindung kepada Allah daripada menjadi salah seorang dari golongan yang jahil (yang melakukan sesuatu yang tidak patut)”. (Al-Baqarah: 67)

Menurut al-Suddi seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Kathir dalam kitab tafsirnya, sebab turunnya ayat di atas adalah ekoran daripada peristiwa seorang anak saudara yang membunuh pakciknya kerana pakciknya mempunyai kekayaan namun enggan membahagikan kekayaan tersebut. Tujuannya membunuh supaya beliau dapat mewarisi harta pakciknya setelah kematian pakciknya (Ibn Kathir, 2008).

Kematian lelaki tersebut menyebabkan pergaduhan dalam kalangan Bani Israel. Akhirnya mereka merujuk kepada Nabi Musa dan Baginda memerintahkan untuk menyembelih seekor lembu yang akan menunjukkan pembunuh lelaki tersebut (al-Zuhaily, 2014). Allah SWT berfirman selanjutnya:

قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ ۚ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقْرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا بَكْرٌ عَوَانَ  
 بَيْنَ ذَلِكَ ۖ فَافْعَلُوا مَا تُؤْمَرُونَ ۚ قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا لَوْثُهَا ۚ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا  
 بَقْرَةٌ صَفْرَاءُ فَاقْعُ لَوْثُهَا تَسُرُّ النَّاطِرِينَ ۚ قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ ۚ إِنَّ الْبَقْرَ  
 تَشَابَهَ عَلَيْنَا وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ لَمُهْتَدُونَ ۚ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقْرَةٌ لَا ذُلُولٌ تُثِيرُ الْأَرْضَ وَلَا  
 تَسْقِي الْحَرْثَ مُسَلَّمَةٌ لَا شِيَةَ فِيهَا ۚ قَالُوا الْآنَ جِئْتَ بِالْحَقِّ ۚ فَذَبْحُوهَا وَمَا كَادُوا  
 يَفْعَلُونَ

Maksudnya: Mereka menjawab: "Mohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, agar Dia menerangkan kepada kami; lembu betina apakah itu". Musa menjawab: "Sesungguhnya Allah berfirman bahwa lembu betina itu adalah lembu betina yang tidak tua dan tidak muda; pertengahan antara itu; maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu". Mereka berkata lagi: "Pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami apa warnanya?" Nabi Musa menjawab: "Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu kuning, kuning tua warnanya, lagi menyukakan orang-orang yang melihatnya". Mereka berkata: "Mohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami agar Dia menerangkan kepada kami bagaimana hakikat lembu betina itu, kerana sesungguhnya lembu itu (masih) samar bagi kami dan sesungguhnya kami insya Allah akan mendapat petunjuk (untuk memperoleh lembu itu)". Musa berkata: "Sesungguhnya Allah berfirman bahwa lembu betina itu adalah lembu betina yang belum pernah dipakai untuk membajak tanah dan tidak pula untuk mengairi tanaman, tidak cacat, tidak ada belangnya". Mereka berkata: "Sekarang barulah kamu menerangkan hakikat lembu betina yang sebenarnya". Kemudian mereka menyembelihnya dan hampir saja mereka tidak melaksanakan perintah itu. (Al-Baqarah: 68-71)

Ayat di atas menjelaskan bagaimana sikap Bani Israel yang suka mempersoalkan perintah Nabi Musa dengan meminta Nabi Musa memberi perincian tentang lembu yang

perlu disembelih. Pertanyaan mereka bukanlah pertanyaan yang ikhlas melainkan pertanyaan yang mempunyai unsur-unsur mempersendakan, merendah-rendahkan dan menghina Nabi Musa (al-Zuhaily, 2014; HAMKA 1983). Mereka meragui kekuasaan Tuhan Nabi Musa yang dapat menghidupkan lembu yang telah dibunuh untuk memberikan saksi sedangkan Allah yang menghidupkan dan mematikan segala makhluk dan tiada apa yang mustahil dalam kekuasaan Allah.

Setelah mereka menyembelihnya dan mereka hampir tidak mengerjakannya kerana penyembelihan itu bukan suatu yang mereka kehendaki. Meskipun sudah terdapat semua penjelasan, juga berbagai soal jawab, serta keterangan tersebut, namun mereka tidak ingin menyembelihnya kerana tujuan tindakan mereka itu tidak lain kecuali untuk menunjukkan kesombongan. Oleh kerana itu mereka nyaris tidak menyembelihnya (Ibnu Kathir, 2008; HAMKA 1983). Sedangkan jika mereka segera menyembelih lembu seperti yang diperintahkan pada awalnya, mereka tidak akan menghadapi kesukaran dalam mendapatkan lembu kuning dengan segala sifat yang disebutkan di atas (HAMKA 1983).

## 2.2 Lembu Samiri

Islam memerintahkan umatnya menghormati dan melayani haiwan dan binatang kesemuanya termasuklah lembu dengan baik. Namun begitu, sikap menghormati tersebut tidaklah sampai kepada penyembahan seperti dalam kisah patung anak lembu Samiri yang berlaku pada zaman Nabi Musa. Firman Allah SWT:

وَإِذْ وَاَعَدْنَا مُوسَىٰ اَرْبَعِيْنَ لَيْلَةً ثُمَّ اتَّخَذْتُمُ الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِهِ وَاَنْتُمْ ظَالِمُوْنَ

Maksudnya: *Dan (ingatlah), ketika Kami berjanji kepada Musa (memberikan Taurat, sesudah) empat puluh malam, lalu kamu menjadikan anak lembu (sembahan) sepeninggalnya dan kamu adalah orang-orang yang zalim.* (Al-Baqarah: 51)

Menurut al-Baghawi (1989), peristiwa lembu Samiri ini berlaku apabila Nabi Musa sedang menerima wahyu daripada Allah di bukit Tur Sina dalam tempoh 40 hari. Ketika ketiadaan Nabi Musa, salah seorang Bani Israel yang digelar sebagai Samiri<sup>1</sup> telah melahirkan kefahaman yang menyesatkan. Beliau yang masih kekal dalam hatinya kepercayaan terhadap tuhan dalam rupa bentuk patung telah membuat sebuah patung anak lembu yang dijadikan sebagai tuhan sembah. Kepercayaan kepada patung lembu ini pada hakikatnya bukan merupakan sesuatu yang asing dalam penyembahan masyarakat Mesir Kuno.<sup>2</sup> Maka tidak hairanlah bagaimana Samiri yang baru keluar daripada Mesir ketika itu masih lagi mempunyai saki baki fahaman Mesir Kuno dalam kepercayaannya. Samiri memerintahkan Bani Israel untuk menyerahkan segala emas yang dibawa daripada Mesir untuk dilemparkan ke dalam api yang telah dinyalakan di dalam sebuah lubang untuk dijadikan patung berbentuk anak lembu. Akhirnya mereka berjaya membuat lembu daripada emas. Kemudian Samiri mengambil bekas tanah<sup>3</sup> yang telah dipijak oleh kuda Jibril dan

<sup>1</sup> Beliau seorang munafik yang menzahirkan Islam namun dalam dirinya masih terdapat kepercayaan kepada patung dan berhala. Terdapat pelbagai riwayat tentang asal usulnya di antaranya adalah pendapat Sa'id bin Jubair yang mengatakan beliau berasal daripada bangsa Kirman. Ibn Abbas pula mengatakan nama beliau adalah Musa bin Muzafar. Adapun Qatadah mengatakan beliau berasal daripada salah sebuah kabilah Bani Israel yang disebut sebagai Samirah.

<sup>2</sup> Penyembahan Mesir Kuno terhadap tuhan yang berbentuk lembu dikenali sebagai Hathor yang merupakan dewi langit. Beliau digambarkan dengan kepala lembu dan badan manusia.

<sup>3</sup> Al-Baghawi meriwayatkan, bekas-bekas tapak kuda yang dibawa oleh Jibril menyburkan tanah yang dijejakinya sehingga setiap bekas tapak kaki kuda berjaya menghidupkan tanah yang gersang. Melihat kepada keajaiban ini yang memberi ilham kepada Samiri untuk melemparkan bekas tanah tersebut kepada lembu ciptaan mereka dengan tujuan untuk menghidupkan lembu yang mereka reka.

dilemparkan pada lembu emas tadi sehingga lembu tersebut dapat mengeluarkan suara dan berjalan seperti yang diriwayatkan oleh al-Suddi dan dinukilkan oleh al-Baghawi dalam tafsirnya.

Firman Allah SWT juga:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ يَا قَوْمِ إِنَّكُمْ ظَلَمْتُمْ أَنفُسَكُمْ بِاتِّخَاذِكُمُ الْعِجْلَ فَتُوبُوا إِلَىٰ  
بَارئِكُمْ فَاقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ عِنْدَ بَارئِكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ  
الرَّحِيمُ

Maksudnya: *Dan (ingatlah), ketika Musa berkata kepada kaumnya: "Hai kaumku, sesungguhnya kamu telah menganiaya dirimu sendiri kerana kamu telah menjadikan anak lembu (sembahanmu), maka bertaubatlah kepada Tuhan yang menjadikan kamu dan bunuhlah dirimu. Hal itu adalah lebih baik bagimu pada sisi Tuhan yang menjadikan kamu; maka Allah akan menerima taubatmu. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang". (Al-Baqarah: 54)*

Abdullah bin Muhammad (2008) di dalam buku terjemahannya kepada kitab tafsir karangan Ibn Kathir menghuraikan bahawa firman Allah tersebut mengandungi peringatan akan besarnya kejahatan yang Bani Israel lakukan dan juga memberi peringatan supaya mereka bertaubat kepada tuhan yang telah menciptakan mereka, setelah mereka menyembah yang lain bersama-Nya. Abdur Rahman bin Zaid bin Aslam menceritakan, ketika Nabi Musa kembali kepada kaumnya, di antara mereka ada tujuh puluh orang lelaki yang beruzlah (mengasingkan diri) bersama Nabi Harun dan tidak menyembah anak lembu. Nabi Musa memerintahkan mereka yang telah menyembah anak lembu emas untuk bertaubat dan membunuh diri mereka. Allah menurunkan kabus menyebabkan mereka saling membunuh antara satu sama lain dalam keadaan tidak mengetahuinya sehingga Allah mengampunkan mereka. Akhirnya mereka yang terbunuh gugur sebagai syuhada', sedangkan orang-orang yang masih hidup diterima taubatnya (al-Sabuni, 2001). Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ جَاءَكُمْ مُوسَىٰ بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ اتَّخَذْتُمُ الْعِجْلَ مِن بَعْدِهِ وَأَنْتُمْ ظَالِمُونَ

Maksudnya: *Sesungguhnya Musa telah datang kepadamu membawa bukti-bukti kebenaran (mukjizat), kemudian kamu jadikan anak lembu (sebagai sembah) sesudah (kepergian)nya, dan sebenarnya kamu adalah orang-orang yang zalim. (Al-Baqarah: 92)*

Firman Allah SWT juga:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَاسْمَعُوا قَالُوا  
سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأَشْرَبُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْعِجْلَ بِكُفْرِهِمْ قُلْ بِئْسَمَا يَأْمُرُكُمْ بِهِ إِيمَانُكُمْ إِنْ  
كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

Maksudnya: *Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil janji dari kamu dan Kami angkat bukit (Thursina) di atasmu (seraya Kami berfirman): "Peganglah teguh-teguh apa yang Kami berikan kepadamu dan dengarkanlah!" Mereka menjawab: "Kami mendengar tetapi tidak mentaati". Dan telah diresapkan ke dalam hati mereka itu (kecintaan menyembah) anak lembu kerana kekafirannya. Katakanlah: "Amat jahat perbuatan yang telah diperintahkan imanmu kepadamu jika betul kamu beriman (kepada Taurat). (Al-Baqarah: 93)*

Quraish Shihab (2001) menghuraikan bahawa ketika Nabi Musa datang dengan membawa Taurat, Bani Israel merasa keberatan dan ragu-ragu apabila melihat tugas-tugas yang berat di dalamnya. Pada saat itu Bani Israel memberitahukan bahawa mereka akan menerima dan mentaati ajaran Taurat. Lalu Allah menerima janji mereka, iaitu bahawa mereka tidak akan tergoda oleh hawa nafsu. Tetapi perbuatan Bani Israel menunjukkan sebaliknya iaitu kederhakaan kerana iman belum meresap dalam hati mereka yang suka menyembah anak lembu. Firman Allah SWT:

يَسْأَلُكَ أَهْلُ الْكِتَابِ أَنْ تُنزِّلَ عَلَيْهِمْ كِتَابًا مِنَ السَّمَاءِ فَقَدْ سَأَلُوا مُوسَىٰ أَكْبَرَ مِنْ  
ذَلِكَ فَقَالُوا أَرَنَا اللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْهُمُ الصَّاعِقَةُ بِظُلْمِهِمْ ثُمَّ اتَّخَذُوا الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِ مَا  
جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَاتُ فَعَفَوْنَا عَنْ ذَلِكَ وَأَتَيْنَا مُوسَىٰ سُلْطَانًا مُّبِينًا

Maksudnya: “Ahli Kitab meminta kepadamu agar kamu menurunkan kepada mereka sebuah Kitab dari langit. Maka sesungguhnya mereka telah meminta kepada Musa yang lebih besar dari itu. Mereka berkata: "Perlihatkanlah Allah kepada kami dengan nyata". Maka mereka disambar petir kerana kezalimannya, dan mereka menyembah anak lembu, sesudah datang kepada mereka bukti-bukti yang nyata, lalu Kami maafkan (mereka) dari yang demikian. Dan telah Kami berikan kepada Musa keterangan yang nyata.” (An-Nisa’: 153)

Allah melarang hamba-hamba-Nya untuk menyekutukan-Nya dengan sesuatu apapun, seperti menyembah berhala atau patung, pepohonan atau benda-benda lainnya termasuklah manusia sekalipun. Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ اتَّخَذُوا الْعِجْلَ سَيَنَالُهُمْ غَضَبٌ مِنْ رَبِّهِمْ وَذَلَّةٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَكَذَلِكَ  
نَجْزِي الْمُفْتَرِينَ

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang menjadikan anak lembu (sebagai sembahannya), kelak akan menimpa mereka kemurkaan dari Tuhan mereka dan kehinaan dalam kehidupan di dunia. Demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang membuat-buat kebohongan.” (Al-A’raf: 152)

Quraish Shihab (2001) menghuraikan bahawa sesungguhnya mereka yang terus menyembah patung anak lembu, seperti Samiri dan pengikutnya, di samping menjadi sangat terhina di dunia, mereka juga akan mendapat kemurkaan Tuhan di akhirat. Begitulah Allah akan membalas perbuatan orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah dan menyembah selain Dia.

Kesimpulannya, terdapat enam ayat yang menyentuh tentang penyembahan lembu oleh Bani Israel pada zaman Nabi Musa. Kesemua ayat menunjukkan kerapuhan keimanan Bani Israel setelah mereka dibawa keluar daripada Mesir. Walaupun secara zahirnya mereka mengaku beriman, namun dalam hati mereka masih tersirat keyakinan terhadap patung berhala sehingga menyebabkan mereka membuat sebuah patung untuk disembah walaupun telah mengaku beriman dengan tuhan Nabi Musa.

### 2.3 Tafsir Mimpi Lembu

Ketika Nabi Yusuf berada di dalam penjara, baginda telah didatangi oleh pelayan raja bertanyakan perihal mimpi raja untuk ditafsirkan oleh Nabi Yusuf. Firman Allah Taala:

وَقَالَ الْمَلِكُ إِنِّي أَرَىٰ سَبْعَ بَقَرَاتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعٌ عِجَافٌ وَسَبْعَ سُنبُلَاتٍ خُضْرٍ  
وَأُخْرَىٰ يَابِسَاتٍ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ أَفْتُونِي فِي رُؤْيَايَ إِن كُنْتُمْ لِلرُّؤْيَا تَعْبُرُونَ

Maksudnya: *Raja berkata (kepada orang-orang terkemuka dari kaumnya): "Sesungguhnya aku bermimpi melihat tujuh ekor lembu betina yang gemuk-gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu betina yang kurus-kurus dan tujuh bulir (gandum) yang hijau dan tujuh bulir lainnya yang kering". Hai orang-orang yang terkemuka: "Terangkanlah kepadaku tentang takbir mimpiku itu jika kamu dapat mena'birkan mimpi". (Yusuf: 43)*

Allah SWT juga berfirman:

يُوسُفُ أَيُّهَا الصِّدِّيقُ أَفْتِنَا فِي سَبْعِ بَقَرَاتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعٌ عِجَافٌ وَسَبْعِ سُنبُلَاتٍ  
خُضْرٍ وَأُخْرَىٰ يَابِسَاتٍ لَعَلِّي أَرْجِعُ إِلَى النَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَعْلَمُونَ

Maksudnya: *(Setelah pelayan itu berjumpa dengan Yusuf dia berseru): "Yusuf, hai orang yang amat dipercaya, terangkanlah kepada kami tentang tujuh ekor lembu betina yang gemuk-gemuk yang dimakan oleh tujuh ekor lembu betina yang kurus-kurus dan tujuh bulir (gandum) yang hijau dan (tujuh) lainnya yang kering agar aku kembali kepada orang-orang itu, agar mereka mengetahuinya." (Yusuf: 46)*

Kedua-dua ayat di atas menunjukkan bagaimana lembu diperlihatkan dalam mimpi raja untuk menjadi tanda akan berlakunya kemarau di Mesir. Ayat di atas menyebutkan perkataan tujuh ekor lembu gemuk merujuk kepada tujuh tahun yang subur. Manakala tujuh lembu yang kurus ditafsirkan oleh Nabi Yusuf sebagai tahun kemarau. Nabi Yusuf mengajarkan agar ketika tujuh tahun musim subur hendaklah mereka mananam dan menuai serta menyimpan untuk dijadikan bekalan pada tujuh tahun berikutnya yang merupakan musim kemarau. Lembu yang disebutkan dalam peristiwa ini menjadi tamsilan dalam mengkhabarkan berkenaan peristiwa yang bakal berlaku. Al-Zuhaily menyebutkan musim subur tersebut benar-benar berlaku setelah 15 tahun Nabi Yusuf menafsirkan mimpi raja (al-Zuhaily, 2014).

Firman Allah SWT pada ayat seterusnya:

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأْبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تَأْكُلُونَ

Maksudnya: *Yusuf berkata: "Supaya kamu bertanam tujuh tahun (lamanya) sebagaimana biasa; maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan dibulirnya kecuali sedikit untuk kamu makan. (Yusuf: 47)*

## 2.4 Pengharaman Memakan Lembu

Masyarakat Yahudi pada zaman dahulunya mengharamkan sebahagian binatang ternakan untuk dimakan. Perbuatan mereka menimbulkan kemurkaan Allah kerana mereka menyandarkan bahawa perkara tersebut adalah syariat tuhan. Disebabkan peristiwa tersebut, mereka dilarang oleh Allah untuk memakan daging binatang-binatang tersebut selamanya. Perkara ini diperihalkan Allah SWT di dalam al-Quran:

وَمِنَ الْإِبِلِ اثْنَيْنِ وَمِنَ الْبَقَرِ اثْنَيْنِ قُلْ آلذَّكَرَيْنِ حَرَّمَ أَمِ الْأُنثَيَيْنِ أَمَّا اشْتَمَلَتْ عَلَيْهِ  
 أَرْحَامُ الْأُنثَيَيْنِ طهء كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ وَصَّاكُمُ اللَّهُ بِهَذَا فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ  
 كَذِبًا لِيُضِلَّ النَّاسَ بِغَيْرِ عِلْمٍ قُلْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: *dan sepasang dari unta dan sepasang dari lembu. Katakanlah: "Apakah dua yang jantan yang diharamkan ataukah dua yang betina, ataukah yang ada dalam kandungan dua betinanya? Apakah kamu menyaksikan di waktu Allah menetapkan ini bagimu? Maka siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang membuat-buat dusta terhadap Allah untuk menyesatkan manusia tanpa pengetahuan?" Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim. (Al-An'aam: 144)*

Quraish Shihab (2001) menghuraikan bahawa Allah menciptakan sepasang dari unta dan sepasang dari lembu. Allah menyuruh Nabi Muhammad mengatakan kepada orang-orang yahudi: "Apa alasan kalian mengharamkan pasangan-pasangan itu? Apakah kerana jantannya? Tidak, sebab kalian kadang-kadang menghalalkan yang jantan. Atau kerana betinanya? Juga tidak, sebab kalian kadang-kadang menghalalkan yang betina juga. Atau kerana pasangan-pasangan itu dikandung rahim? Tidak juga, sebab kalian tidak selamanya mengharamkan janin. Kalian menganggap pengharaman itu adalah ketentuan Allah. Apakah kalian ada saat Allah mengeluarkan larangan itu sehingga kalian mendengar sendiri pelarangan-Nya? Tidak sama sekali! Hentikanlah apa yang kalian lakukan itu, kerana ia merupakan kezaliman. Tidak ada yang lebih zalim daripada orang yang mendustakan Allah dengan menyandangkan sesuatu kepada-Nya tanpa pernah Dia melakukannya dan tanpa berdasar pada ilmu yang dapat dijadikan sandaran. Dengan kezaliman itu, ia bermaksud menyesatkan orang lain. Allah tidak akan menunjuki jalan orang-orang zalim kalau mereka memilih jalan kesesatan."

Allah SWT berfirman juga:

وَعَلَى الَّذِينَ هَادُوا حَرَّمْنَا كُلَّ ذِي ظُفْرٍ طهء وَمِنَ الْبَقَرِ وَالْغَنَمِ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ شُحُومَهُمَا  
 إِلَّا مَا حَمَلَتْ ظُهُورُهُمَا أَوْ الْحَوَايَا أَوْ مَا اختَلَطَ بِعَظْمٍ ذِكْ جَزَيْنَاهُمْ بِبَعْضِهِمْ طهء وَإِنَّا  
 لَصَادِقُونَ

Maksudnya: *"Dan kepada orang-orang Yahudi, Kami haramkan segala binatang yang berkuku dan dari lembu dan domba, Kami haramkan atas mereka lemak dari kedua binatang itu, selain lemak yang melekat di punggung keduanya atau yang di perut besar dan usus atau yang bercampur dengan tulang. Demikianlah Kami hukum mereka disebabkan kedurhakaan mereka; dan sesungguhnya Kami adalah Maha Benar." (Al-An'aam: 146)*

Quraish Shihab (2001) menghuraikan bahawa Allah mengharamkan daging dan lemak haiwan yang berkuku seperti unta dan binatang buas kepada orang-orang Yahudi manakala bagi lembu dan kambing, Allah hanya mengharamkan lemaknya saja, selain lemak yang terdapat pada bahagian punggung atau pada usus, atau yang bercampur dengan tulang. Pengharaman itu adalah sebagai hukuman atas kezaliman mereka, sekaligus sebagai pemutusan nafsu mereka yang selalu cenderung kepada kenikmatan.



Sehingga dewasa ini, penganut Yahudi menganggap sebahagian daripada lembu seperti bahagian lemak dan juga hati sebagai tidak *kosher*<sup>4</sup> seperti yang disebutkan dalam kirab Torah mereka. Konsep *kosher* dalam Yahudi mirip kepada konsep halal dalam Islam. Namun begitu, terdapat perbezaan daripada sudut pembahagian makanan yang dianggap halal dalam Islam dan *Kosher* dalam Yahudi.

Kesimpulannya, kedua-dua di atas menunjukkan lembu diharamkan oleh sebahagian masyarakat Yahudi sejak dahulu sehingga hari ini. Kelakuan mereka yang mengharamkan sesuatu yang telah diharamkan oleh Allah menyebabkan kemurkaan Allah sehingga akhirnya makanan tersebut diharamkan ke atas mereka.

## 2.5 Daging Lembu Panggang Nabi Ibrahim

Anak lembu yang disebutkan dalam ayat selanjutnya menceritakan tentang sikap Nabi Ibrahim yang memuliakan tetamunya yang tidak dikenali dengan sajian daging panggang. Firman Allah SWT:

إِذْ دَخَلُوا عَلَيْهِ فَقَالُوا سَلَامًا قَالَ سَلَامًا قَوْمٌ مُنْكَرُونَ فَرَأَى إِلَىٰ أَهْلِهِ فَجَاءَ بِعِجْلٍ سَمِينٍ

Maksudnya: (Ingatlah) ketika mereka masuk ke tempatnya lalu mengucapkan: "Salaamun". Ibrahim menjawab: "Salaamun (kamu) adalah orang-orang yang tidak dikenal". Maka dia pergi dengan diam-diam menemui keluarganya, kemudian dibawanya daging anak lembu gemuk. (Al-Dzariyat: 25-26)

Kisah ini menggambarkan sikap Nabi Ibrahim yang sangat menghormati tetamunya dengan menyajikan hidangan daging lembu bakar. Walaupun tetamunya tidak dikenali, Nabi Ibrahim bersegera dalam melayan tetamu dengan memuliakan mereka. Nabi Ibrahim disebutkan dalam ayat tersebut sebagai secara senyap-senyap menemui isterinya untuk menyiapkan makanan agar tidak diketahui oleh tetamunya makanan yang ingin dihidangkan. Kepemurahan Nabi Ibrahim terserlah apabila baginda memilih untuk menjamu tetamu yang tidak dikenali dengan makanan yang terbaik iaitu daging lembu bakar. Daging itu pun didekatkan kepada mereka. Namun begitu kedua-dua tetamunya enggan makan. Kesopanan baginda terserlah sekali lagi dengan cara baginda menjemput kedua tetamunya untuk makan dengan mengatakan 'mengapakah kamu enggan makan?' (Quraish Shihab, 2001)

Dalam surah lain Allah berfirman,

وَلَقَدْ جَاءَتْ رُسُلُنَا إِبْرَاهِيمَ بِالْبَشْرَىٰ قَالُوا سَلَامًا قَالَ سَلَامٌ فَمَا لَبِثَ أَنْ جَاءَ

بِعِجْلٍ حَنِيدٍ

Maksudnya: "Dan sesungguhnya utusan-utusan Kami (malaikat-malaikat) telah datang kepada Ibrahim dengan membawa kabar gembira, mereka mengucapkan: "Selamat". Ibrahim menjawab: "Selamatlah," maka tidak lama kemudian Ibrahim menyuguhkan daging anak lembu yang dipanggang." (Hud: 69)

<sup>4</sup> *Kosher* adalah makanan yang dibenarkan untuk dimakan dalam ajaran Yahudi mengikut kepada peraturan seperti yang telah ditetapkan di dalam Tanakh. Perkataan *Kosher* berasal daripada perkataan *kashrut* yang bermaksud betul dan sesuai. Sekiranya makanan tersebut tidak disediakan dengan cara *kashrut* iaitu cara mengikut peraturan ajaran Yahudi, ianya tidak dianggap sebagai *Kosher* dan tidak boleh dimakan oleh penganut Yahudi. Sila lihat <https://www.jewishvirtuallibrary.org/overview-of-jewish-dietary-laws-and-regulations>. 10 Disember 2018.

Kedua-dua ayat di atas merujuk kepada peristiwa dua malaikat yang menziarahi Nabi Ibrahim sebelum kaum Nabi diturunkan bencana. Antara tujuan lain ziarah kedua-dua malaikat ini bermaksud untuk memberitahu khabar gembira kepada Nabi Ibrahim dan isterinya berkenaan zuriat yang bakal mereka perolehi.

### 3.0 Rumusan

Secara keseluruhannya, perkataan lembu di dalam al-Quran disebut dengan perkataan *baqarah* dan *'ijl* membawa perbezaan maksud di mana *baqarah* merujuk kepada lembu manakala *'ijl* merujuk kepada anak lembu. Lembu dikaitkan dengan peristiwa lembu kuning Bani Israel, lembu yang diperlihatkan dalam mimpi raja Mesir serta pengharaman memakan lembu kepada bangsa Yahudi. Manakala anak lembu pula disebutkan dalam ayat berkenaan penyembahan anak lembu oleh pengikut Nabi Musa serta jamuan yang diberikan oleh Nabi Ibrahim kepada tetamunya.

Rajah 1 menunjukkan jadual dan taburan ayat yang menyentuh perbahasan lembu serta rumusan yang dapat diambil daripadanya.

No	Tema	Ayat	Perkataan	Rumusan
1	Lembu Kuning	Al-Baqarah 67-71	<i>Baqarah</i> / <i>Baqar</i>	Binatang yang dikorbankan bagi membuktikan kebenaran
2	Lembu Samiri	Al-Baqarah 51, 54, 92, 93 Al-Nisa' 153 Al-A'raf 152	<i>'Ijl</i>	Binatang yang disembah kerana masih terkesan dengan kepercayaan Mesir Kuni
3	Tafsir Mimpi Lembu	Yusuf 43, 46	<i>Baqarat</i>	Lembu ditafsirkan sebagai tahun
4	Pengharaman Memakan Lembu	Al-An'am 144, 146	<i>Baqar</i>	Orang Yahudi mengharamkan ke atas mereka sebahagian daripada lembu
5	Daging Lembu Panggang Nabi Ibrahim	Al-Dzariyat 26 Hud 69	<i>'Ijl</i>	Daging lembu panggang menjadi sajian kepada tetamu

Rajah 1. Rumusan Perbahasan Lembu dalam al-Quran

### 4.0 Kesimpulan

Daripada perbahasan lembu dalam al-Quran secara dasarnya memberikan banyak pengajaran bermakna daripada pengisahan peristiwa seperti kisah yang menunjukkan lembu diangkat menjadi haiwan yang disembah oleh Bani Israel, pengharaman terhadap memakan sebahagian binatang ternakan termasuk lembu dan unta oleh masyarakat Jahiliyah, dan sebagainya. Tuntasnya, kisah-kisah yang diceritakan dalam al-Quran adalah untuk difikirkan oleh manusia untuk memperoleh iktibar dan pengajaran. Beberapa perbahasan lembu dalam al-Quran juga dilihat secara tidak langsung mempunyai implikasi akidah dalam peristiwa yang disebutkan iaitu dengan wujudnya kefahaman syirik serta kufur masyarakat terdahulu terhadap haiwan lembu.

## Rujukan

- Al-Alusi, Syihabuddin Sayyid Mahmud. *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-'Azhim wa al-Sab'u al-Mathani*. (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, 1981)
- Al-Baghawi, Muhyiddin Abu Muhammad Husain bin Mas'ud. *Tafsir al-Baghawi*. (Riyadh: Dar al-Thoyyibah, 1989)
- Al-Khalidi, Solah. *Al-Qasas al-Qurani*. (Damsyik: Dar al-Qalam, 2011)
- Al-Qattan, Manna'. *Mabahith fi Ulum al-Quran*. (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2002)
- Al-Qurasyi, Ismail bin Umar bin Kathir. *Tafsir al-Quran al-'Azhim*. (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2000)
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. (Kaherah: Dar al-Hadith, 2002)
- Al-Sabuni, Muhammad Ali. *Safwah at-Tafasir*. (Beirut: Dar al-Fikr, 2001)
- Al-Taftazani, Sa'd al-Din. *Al-'Aqid al-Nasafiyyah*. Huraian al-Aqid al-Nasafiyyah. Terj. Mohamad Hilmi Marjunit. (Rawang: Awal Nahdah, 2017)
- Al-Zuhaily, Wahbah. *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. (Beirut: Dar al-Fikr, 2014)
- Hamka, Hj Abdul Malik Karim Amrullah. *Tafsir al-Azhar*. (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1983)
- M. Quraisy Shihab. *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran* (Jakarta: Lentera Hati, 2009)